



UPUM

**UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA
UNIVERSITY OF MALAYA CONSULTANCY UNIT**

**UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI
MALAYA (UPUM)**

September 2016

PELAKSANAAN KERJA PERUNDINGAN MELALUI UPUM

1. Semua kerja-kerja perundingan hendaklah dibuat melalui UPUM.
2. Surat Pekeliling berkenaan perkara ini [UM.TNC2/UPUM/625/1/Jld.3 \(50\)](#) [bertarikh 28 Mac 2016](#)
3. PTj /Unit dan Staf yang tidak menjalankan kerja perundingan melalui UPUM boleh dikenakan “ketidakakuran” (non-compliance) dalam Audit Kualiti.
4. Selain itu terdapat juga beberapa isu-isu lain iaitu:
 - i. Rekod kerja perundingan yang tidak lengkap
 - ii. Tiada rekod bayaran perunding, serta potongan Syer kepada UM dan potongan yuran UPUM. Ini menyebabkan ketidakadilan bagi perunding yang melaksanakan kerja perundingan dengan UPUM.

URUSAN AKAUN PROJEK PERUNDINGAN MELALUI BENDAHARI UM

Terdapat kerja-kerja perundingan yang tidak dibuat melalui UPUM, namun pengurusan akaun diuruskan di Bendahari UM. Jika perkara ini diteruskan, beberapa isu yang akan berlaku diantaranya;

1. Bendahari UM boleh dikenakan 'ketidakakuran' dalam Audit Kualiti.
2. Dikhuatiri akaun tidak diuruskan dengan baik/sepatusnya jika pengurusan akaun dibuat oleh Ketua Jabatan dan PTj. Selain itu urusan percukaian (tax), KWSP dll. juga tidak berlaku. Semua bayaran honorarium/saguhati perlu bayar cukai pendapatan.

AKTA KWSP DALAM URUSAN BAYARAN UPAH/ GAJI BERKALA

1. Merujuk kepada Akta KWSP, semua bayaran upah/gaji (termasuk honorarium) yang dibayar secara berkala, dan melebihi 3 kali setahun adalah diwajibkan untuk mencarum dengan KWSP.
2. Hanya honorarium yang dibayar “one-off” sahaja yang boleh dianggap sebagai bukan upah/gaji.

Untuk mengatasi masalah ini, kerja-kerja perundingan hendaklah dibuat melalui UPUM. Jadual dibawah adalah penerangan pelaksanaan kerja perundingan ini;

No.	Jenis Kerja Perundingan	Urusan Perundangan	Rekod Database	Keperluan Urusan Akaun	Pengurusan Kerja/Projek Perundingan	Pemantauan Kerja/Projek Perundingan	Komunikasi dengan Klien
1	Normal /biasa	UPUM, Unit Perundangan UM	UPUM	Bendahari UM, Bhgn. Akaun UPUM	UPUM	UPUM	UPUM
2	Transit dgn Staf	-	UPUM	Bendahari UM, Bhgn. Akaun UPUM	-	UPUM *pemantauan minimum	Staf
3	Projek PTj/Unit	UPUM	UPUM	Bhgn. Akaun UPUM	PTj/ Unit	PTj/ Unit	Staf/ PTj/Unit
4	Contract research (Grant)	IPPP	UPUM	Bhgn. Akaun UPUM	IPPP	IPPP	IPPP

KADAR BAYARAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN DALAM PELAKSANAAN KERJA PERUNDINGAN

Berikut adalah cadangan kadar bayaran daripada kos projek kepada PTi/Unit bagi penggunaan kemudahan dalam pelaksanaan kerja-kerja perundingan;

1. Cadangan Bayaran Penggunaan/Sewa Kemudahan Pusat Penyelidikan/Fakulti (Untuk Kerja-kerja Perundingan)
2. Contoh borang Bayaran Penggunaan/Sewa Kemudahan Pusat Penyelidikan/Fakulti
3. Contoh Borang Permohonan

Perkara ini telah dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelidikan (TNC (P&I)). Majlis UPUM (mesyuarat 22 Sept 2016) telah meluluskan agar cadangan ini mula digunapakai di PTJ untuk kerja-kerja Perundingan akan datang.

PERBANDINGAN BAYARAN POTONGAN YURAN PENGURUSANUPUM DENGAN YURAN PERUNDINGAN IPTA LAIN

NO	IPTA	POTONGAN YURAN PERUNDINGAN
1	UPUM, UNIVERSITI MALAYA	10% daripada Yuran Perunding
2	UKM	15% daripada gross
3	UPM	15% daripada gross
4	UiTM	20% daripada gross

PENGGORPORATAN UPUM

1. Pengkorporatan UPUM akan bermula pada 1 Januari 2017.
2. Nama syarikat baharu ialah UPUM CONSULT SDN.BHD.
3. Pengkorporatan ini ialah keperluan MOF bagi membolehkan unit perundingan ini untuk menyertai tawaran tender/ bidaan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
4. Implikasi setelah dikorporatkan ialah peningkatan 'charge' bayaran yuran perundingan iaitu dijangkakan sebanyak 15%, disebabkan UPUM Consult Sdn Bhd perlu membayar cukai korporat (~ 25%) untuk lebih pendapatan (keuntungan) .